

Untuk Siaran Segera

Panasonic melancarkan model LUMIX dan kamkoder baru

Dengan reka bentuk yang lebih nipis, pengendalian operasi mudah dan fungsi-fungsi pintar untuk kegunaan pelbagai jenis pengguna menikmati pengalaman fotografi yang menakjubkan – zoom tinggi ke rakaman video definisi tinggi AVCHD

Kuala Lumpur, 18 Februari 2009 – Panasonic Malaysia Sdn Bhd hari ini melancarkan 10 model kamera digital pegun LUMIX dan 10 model kamkoder (terdiri daripada enam definisi tinggi dan empat definisi *standard*) dengan kemajuan teknologi format rakaman video AVCHD Lite (format pertama untuk digabungkan dalam kamera digital) ke kapabiliti tinggi zoom optikal sebanyak 70X untuk model siri kamkoder bersama pilihan penyimpanan data SDHC dan HDD.

“Kami mendapati permintaan untuk penggunaan rakaman video menggunakan kamera LUMIX yang semakin meningkat. Untuk menepati permintaan ini, kami telah menetapkan format rakaman AVCHD dalam beberapa model Lumix yang tertentu. Kami yakin pengguna yang ingin merakam filem akan menggunakan format AVCHD ini. Kelebihan menggunakan format video ini adalah filem berdefinisi tinggi dapat dikesilkan dan dimasukkan ke YouTube. Selain itu, kelebihan seperti fungsi Pengenal Pasti Wajah yang dapat merakam wajah sambil menyimpan dan melabel data rakaman dalam kamera akan diperkenalkan tahun ini”.

“Untuk model kamkoder, kami memperkenalkan model lensa pertama zoom optikal sebanyak 70x dengan penggunaan perisian cakera keras dan SD yang mempunyai mod untuk memasukkan video ke dalam YouTube apabila disambung ke computer,” kata Tony Endoh Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Sdn Bhd.

Menurut Tony Endoh: “Tahun ini, pengguna kamera dapat menikmati model kamera yang direka khas untuk prestasi video dan gambar yang menakjubkan untuk pengguna dari tahap kurang mahir ke yang lebih mahir dalam pengendalian kamera. Model kamera seperti Lumix siri - FS, FX, TZ, FT ke LS dan model yang terdapat dari kamkoder ialah siri HS/TM dan SD untuk definisi tinggi dan H,S dan W untuk definisi *standard*”.

“Pada tahun ini, Panasonic akan mengetengahkan konsep AVCHD dan SD Card Link untuk kamera pegun dan kamkoder. Konsep AVCHD ini dapat memberikan penggunaan yang mudah serta kepuasan dalam pengambilan gambar berdefinisi tinggi untuk kamkoder. SD Card Link pula memberi kemudahan dalam penyimpanan gambar ‘media storage’ serta merakam dan main semula di TV Viera Panasonic. Semua kamkoder Panasonic di lengkapi dengan slot SD kad dan kini dikenali sebagai Kamkoder SD. Pendek kata, semua pengguna boleh menikmati kepuasan serta kemudahan lengkap untuk rakaman video dan gambar pegun”.

-sambungan-

“Sehubungan dengan pelancaran ini, Panasonic untuk pertama kalinya akan memperkenalkan laman web ‘e-bid’ untuk pengguna menaruh harga model kamera yang di pilih dalam laman web ‘e-bid’. Pengguna yang menaruh harga yang tertinggi boleh membeli model itu dengan harga yang telah dipertaruhkan oleh pengguna tersebut. Untuk pelancaran pertama ini model-model kamera yang dimuatkan di ‘e-bid’ adalah terhad dan boleh layari di alamat web: <http://direct.panasonic.com.my>. ‘e-bid’ ini akan bermula dari 2 Mac hingga 15 Mac 2009. Pembeli yang berjaya diminta memberi maklum-balas mengenai produk yang dibeli sebulan selepas menggunakannya”, menurut Liew Choon Wah, Penolong Pengurus Besar, Pemasaran Produk AV, Panasonic Malaysia Sdn Bhd.

Kamera untuk aktiviti lasak – DMC FT1

Model pertama baru dalam barisan kamera LUMIX ialah DMC FT1 yang menawarkan rekaan lasak untuk penggambaran di luar yang kalis air (sedalam tiga meter), kalis habuk dan kalis gegaran (setinggi 1.5 meter) dengan format rakaman AVCHD Lite yang menyokong filem definisi tinggi. Format ini dapat dikesalkan sambil memastikan kualiti imej yang tinggi dengan masa rakaman dua kali lebih panjang (berbanding dengan rakaman imej JPEG bergerak). Ia juga dilengkapi dengan lensa Leica DC Vario Elmar selebar 28mm, 4.6x zoom optikal CCD sensor beresolusi 12.1 mega piksel dan Mod Auto Pintar [iA]

TravelZoom – siri TZ

Model kamera seterusnya ialah *TravelZoom* atau siri TZ dengan dua model iaitu DMC TZ6 dan DMC TZ7. Kedua-dua model ini bercirikan 12x zoom optikal dan resolusi 10.1 mega piksel. Walau bagaimanapun, model TZ7 merupakan kamera hybrid yang menyokong kedua-dua rakaman gambar tidak bergerak dan rakaman video definisi tinggi AVCHD Lite untuk pengguna yang suka melancong. Selain itu, TZ7 ini didatangkan dengan port HDMI yang membolehkan kamera untuk disambungkan ke televisyen VIERA Panasonic untuk ulang tayang rakaman imej gambar dan video (kabel perlu digunakan). Model TZ7 dilengkapi dengan pemproses imej Venus HD Panasonic manakala TZ6 dilengkapi dengan enjin Venus IV.

Reka Bentuk Kompak dengan Pengenal Pasti Wajah – siri FX

Kamera model siri FX dengan reka bentuk kompak dan bersaiz kecil yang mudah untuk dimasukkan ke dalam ‘poket’ atau ruang kecil dengan fungsi Pengenal Pasti Wajah - DMC FX48 & DMC FX580. Fungsi ini memudahkan pengguna untuk merakam imej wajah sambil menyimpan dan melabel data tersebut dalam kamera LUMIX. Fungsi ini boleh merakam dan menyimpan sehingga enam wajah yang berlainan. Kedua-dua model ini didatangi dengan lensa lebar 25mm, 5x zoom optikal yang menggunakan lensa Leica DC dan resolusi 12.1 mega piksel. Model FS580 merupakan kamera dengan skrin sentuh.

Pemenang Anugerah untuk *Point & Shoot* – siri FS

Siri FS – FS6, FS7, FS15 dan FS25 merupakan edisi terbaru dalam barisan penerima anugerah kamera Lumix siri FS.

Kedua-dua DMC-FS7 dan DMC-FS6 dilengkapi dengan lensa 4x zoom optikal, bersamaan dengan 33mm ke 132mm pada 35mm kamera filem. Model FS7 yang beresolusi 10.1 mega piksel dan model FS6 dengan resolusi 8.1 mega piksel didatangi dengan sistem Penstabil Imej Optikal Mega O.I.S dan pemproses imej enjin Venus IV dengan lensa Leica DC terang F2.8. Model FS7 mempunyai LCD yang lebih lebar 2.7 inci (berbanding model FS6 dengan hanya 2.5 inci LCD). Kedua-dua kamera mempunyai jarak ISO dari 10 ke 6400, memori sedia ada sebanyak 50 mega bit dan 25 mod *scene* atau permandangan. FS6 merupakan model kamera yang paling nipis dengan saiz 21.2mm.

-sambungan-

Model DMC-FS15 dan DMC FS25 beresolusi 12.1 mega piksel. Kedua-dua model tersebut mempamerkan lensa Leica DC selebar 29 mm dengna 5x zoom optikal. FS15 mempunyai LCD sebesar 2.7 inci manakala FS25 bersaiz 3.0 inci LCD besar yang memudahkan pengguna untuk merakam dan menonton ulang tayang dengan mudah. Panasonic telah mempertingkatkan Mod Auto Pintar (iA) dengan Pengesan Fokus Auto dan mempunyai butang tersendiri Mod Auto Pintar untuk mengesan permandangan dan mengendalikan kesemua fungsi termasuk pendedahan cahaya. Model DMC FS25 mampu merakam filem gambar WVGA pada 30 bingkai sesat mengikut format skrin lebar 16:9. Model ini juga direka khas dan bersaiz kecil, fungsi *point-and-shoot* mudah yang menghasilkan imej gambar yang berkualiti tinggi; menjadikan pilihan yang sesuai untuk pengguna yang lebih mahir.

Beroperasi 2AA bateri yang mudah untuk pengguna yang baru mengendalikan kamera– LS85

Untuk pengguna yang baru mula menjinakkan diri dalam bidang fotografi dan yang ingin berjimat, model DMC LS85 yang menggunakan 2AA bateri beresolusi 8.1 mega piksel bersama sensor imej dengan Mod Auto Pintar dilengkapi kombinasi Penstabil Imej Optikal, *Intelligent ISO Control* dan *Intelligent Scene Selector*

Kamkoder Definisi Tinggi Baru Panasonic- Rangkaian Model Untuk Setiap Jenis Pengguna

Rangkaian kamkoder Panasonic dengan 10 model kamkoder Definisi Tinggi dan empat model definisi standard yang menawarkan pilihan rakaman SDHC dan HDD juga pilihan untuk menyimpan data.

Terdapat enam kamkoder Definisi Tinggi Penuh atau (FHD) AVCHD iaitu HS300/TM300, HS200/ TM200 dan HS20/SD20 dengan sensor 3MOS yang menyediakan jumlah resolusi sehingga 9.15 mega piksel. Kesemua model mampu merakam dalam keadaan kurang terang sehingga minimum 1.6 Lux.

Kesemua model dilengkapi dengan aperture besar Leica Dicomar dengan lensa 12x zoom optikal dan Penstabil imej Optikal (O.I.S).

Walau bagaimanapun, HS300 dan TM300 dilengkapi dengan manual focus ring, Electronic View Finder (EVF), Hot Shoe dan terminal mikrofon.

Kedua-dua HS300 dan HS200 merupakan kamkoder hibrid dengan perisian cakera keras 120GB (HDD) untuk HS300 dan perisian cakera keras 80GB untuk HS200 termasuk kad slot SDHC/SD.

Disamping itu, model TM300 dan TM200 (dengan memori berkembar) didatangi dengan memori sedia ada sebanyak 32GB untuk model TM300 dan 16GB untuk model TM200 termasuk kad slot SDHC/SD

Model HS300/TM300 dan HS200/TM200 dilengkapi dengan skrin sentuh selebar 2.7-inci, Mod auto Pintar untuk video termasuk fungsi Pengesan Fokus Auto, Pengesan Wajah, Kawalan Kontras Pintar, Pengesan Pemandangan untuk gambar dan filem gambar. Ia juga memuatkan kawalan sistem bunyi keliling dengan lima mikrofon termasuk fungsi Mikrofon zoom.

-sambungan-

Model SDR-HS20 menggabungkan masa rakaman cakera keras 80GB dengan kad SDHC/SD manakala model SDR-SD20 yang kompak ini merakam menggunakan kad memori SDHC/SD dengan berat 267gram. Kedua-dua model menyokong rakaman video AVCHD pada 1920 x 1080 piksel. Kedua-dua model mempamerkan lensa Leica Dicomar dengan 16x zoom optikal dan Lanjutan Penstabil Imej Optikal termasuk mod Auto Pintar yang sama dengan model HS200/TM200. Ia juga dilengkapi dengan power on pantas dan fungsi permulaan rakaman pantas yang kurang dari dua saat.

Untuk definisi standard, empat model terbaru adalah SDR H90, SDR S26 dan SDR SW21. Model H90, H80, dan S26 menawarkan lensa 70x zoom optikal dengan Lanjutan Penstabil Imej Optikal dan Mod Auto Pintar. Model H90 dan H80 dilengkapi dengan rakaman hibrid dengan menggunakan memori sedia ada sebanyak 60GB HDD untuk H90 dan 80GB HDD untuk H80 dengan kad slot SDHC/SD manakala S26 dan SW21 merupakan kamkoder menggunakan kad SD tanpa memori sedia ada.

Model H90,H80 dan S26 juga mempunyai fungsi untuk memasukkan video ke dalam Youtube (Youtube uploader) yang membolehkan pengguna untuk mengubah format video untuk dimasukkan ke Youtube dan laman web yang lain. Mod upload dan VideoCam Suite secara automatic akan diaktifkan sebaik kamkoder disambung ke komputer.

Kedua-dua model ini bercirikan LCD Auto Pintar sebesar 2.7-inci yang melaraskan kecerahan paparan pada skrin mengikut keadaan persekitaran secara automatik. Mod Quick Start sepanjang 0.8 saat memastikan peluang merakam tidak akan terlepas. Kedua-dua kamkoder dilengkapi dengan fungsi waktu dunia yang menukar waktu apabila melalui zon waktu yang berlainan secara automatik.

Kamkoder model SDR-SW21 dengan reka bentuk kompak, adalah kalis air sedalam 6.5 kaki dalam air tawar dan air masin; kalis gegaran yang dapat menahan apabila terjatuh dari 4 kaki; kalis habuk yang menjaga zarah seperti kotoran, pasir dan habuk.

1.	Panasonic Lumix DMC FT1	Hijau,Oren & Perak	Harga ASP RM1499
2.	Panasonic Lumix DMC TZ7	Perak,Hitam & Coklat	Harga ASP RM1599
3.	Panasonic Lumix DMC TZ6	Perak & Hitam	Harga ASP RM1499
4.	Panasonic Lumix DMC FS6	Perak, Hitam, Biru & Merah Jambu	Harga ASP RM699
5.	Panasonic Lumix DMC FS7	Perak, Hitam, Biru & Merah Jambu	Harga ASP RM 799
6.	Panasonic Lumix DMC FS15	Perak , Hitam & Biru	Harga ASP RM 899
7.	Panasonic Lumix DMC FS25	Perak , Hitam & Emas	Harga ASP RM 999
8.	Panasonic Lumix DMC FX48	Perak, Hitam, Merah Jambu & Emas	Harga ASP RM 1299
9.	Panasonic Lumix DMC FX580	Perak, Hitam & Emas	Harga ASP RM 1499
10.	Panasonic Lumix DMC LS85	Hitam	Harga ASP RM 449

1.	Panasonic kamkoder HDC-HS300	Hitam & Perak	Harga ASP RM4,999	120 GB HDD + SD
2.	Panasonic kamkoder HDC-TM300	Hitam & Perak	Harga ASP RM4,499	32 GB MEMORI KEMBAR (memori sedia ada + SD card)
3.	Panasonic kamkoder HDC-HS200	Hitam & Perak	Harga ASP RM3,999	80 GB HDD + kad SD
4.	Panasonic kamkoder HDC-TM200	Hitam & Perak	Harga ASP RM3,799	32 GB MEMORI KEMBAR (memori sedia ada+ kad SD)
5.	Panasonic kamkoder HDC-HS20	Hitam	Harga ASP RM3,399	80 GB HDD + kad SD
6.	Panasonic kamkoder HDC-SD20	Hitam, Perak & Merah	Harga ASP RM2,499	16 GB kad SD sahaja
7.	Panasonic kamkoder SDR-H90	Hitam	Harga ASP RM2,199	80GB HDD + kad SD
8.	Panasonic kamkoder SDR-H80	Hitam, Biru & Merah	Harga ASP RM1,799	60 GB HDD + kad SD
9.	Panasonic kamkoder SDR-S26	Hitam, Emas, Merah & Biru	Harga ASP RM1,299	kad SD sahaja
10.	Panasonic kamkoder SDR-SW21	Perak, Oren & Hijau	Harga ASP RM1,799	kad SD sahaja

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran professional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5542 2288.

Perhubungan Media: Azizah Wahid,
Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobile: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Maklumat tentang Produk: Patricia Yaw Bee Lei
Product Executive (Lumix)
Digital Imaging Panasonic Malaysia
Tel: 03-7809 7696 Fax: 03-7955 2848 Mobile : 012-975 6863
Emel: patricia.yaw@my.panasonic.com

Siaw Yee Yen
Product Executive (Camcorder)
Digital Imaging Panasonic Malaysia
Tel: 03-7809 7690 Fax: 03-7955 2848 Mobile : 012-385 3808
Emel: yeeyen.siaw@my.panasonic.com